

03/10/1999

SIC sediakan 600 marsyal

Zairee Zahir

PERLUMBAAN Formula 1 Grand Prix Petronas Malaysia 1999 di Litar F1 Sepang bakal dikendalikan lebih 600 marsyal dan petugas, termasuk 60 marsyal terlatih dan berpengalaman dari Portugal dan Austria.

Pengurus Besar Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC), Hussin Ali, berkata marsyal tempatan pula diambil daripada individu berpengalaman daripada pelbagai persatuan permotoran di negara ini.

Jumlah itu, katanya, memadai dan harus menjadikan perlumbaan julung kali di Asia Tenggara itu berjalan lancar dan mematuhi spesifikasi serta peraturan keselamatan yang ditetapkan Persekutuan Automobol Antarabangsa (FIA).

Menurutnya, 40 marsyal dari Portugal adalah marsyal yang diiktiraf Persekutuan Automobol dan Kart Portugal (FPAC) dan terbabit dalam pelbagai perlumbaan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, 20 marsyal dari Austria pula adalah marsyal profesional yang bertugas di perlumbaan F1 di seluruh Eropah.

"Ketua marsyal dari Portugal, Eduardo Fretas yang datang ke negara ini dan menjalankan latihan kepada marsyal tempatan berpuas hati dengan jumlah petugas yang akan mengendalikan setiap inci litar sepanjang 5.542km sepusingan ini.

"Tahap keyakinan terhadap marsyal tempatan juga meningkat selepas mengadakan taklimat dan ujian selama tiga hari pada 21-23 September lalu," katanya selepas sesi raptai pertama di litar itu, semalam.

Hussin berkata, seorang marsyal luar negara akan ditugas untuk mengetuai setiap 34 pos di sepanjang litar itu manakala selebihnya akan ditugaskan mengendalikan kelancaran di bahagian paddok dan pit.

Perlumbaan 56 pusingan Grand Prix Petronas Malaysia nanti diadakan selama tiga hari, membabitkan sesi latihan kelayakan pertama, kelayakan kedua dan perlumbaan sebenar pada jam 2 petang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan melancarkan perlumbaan berprestij itu pada jam 11.30 pagi, diikuti beberapa pertunjukan perarakan kereta lumba Silver Arrows, pasukan Motorsports Petronas, akrobatik bermotosikal, payung terjun dan pertunjukan udara.

Sementara itu, raptai pertama di litar itu semalam berjalan lancar walaupun tidak disertai pertunjukan lintas udara daripada pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Hampir 700 petugas sukarela yang hadir juga diberi taklimat mengenai pengkhususan tugas mereka sepanjang tiga hari perlumbaan itu nanti.

Antara yang mengambil bahagian semalam ialah pasukan Motorsports Petronas, akrobatik bermotosikal dari pasukan Tentera dan Polis, 60 penerjun bebas dari Trup Gerak Khas Kem Sungai Udang Melaka, pancaragam pebagai kor Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta hampir 50 gadis Petronas yang akan memakai pelbagai jenis pakaian kebangsaan.

(END)